

01 JUN 2000

MAHATHIR-AFTA

AFTA: MALAYSIA MAHU PERLINDUNGAN AUTOMOTIF SEHINGGA 2005

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mahu penangguhan sementara pelaksanaan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) bagi sektor automotif sehingga tahun 2005.

Beliau berkata Malaysia meminta supaya ditangguhkan selama dua tahun iaitu daripada 2003 kepada tahun 2005 bagi kepentingan industri kereta nasional, Proton.

"Industri automotif kita masih kecil berbanding di negara lain di mana syarikat pengeluar kenderaan telah bergabung menjadi syarikat yang besar.

"Jikalau kita tidak dapat pertahankan industri kita, maka kita akan ditelan bulat-bulat oleh syarikat besar itu," katanya pada persidangan berita selepas majlis penyerahan piala untuk kejohanan Asean Kart Prix 2,000, di sini, hari ini.

Katanya kerajaan perlu menjaga industri automotif serta kepentingan syarikat lain yang terlibat dengan pengeluaran kereta nasional itu.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataannya pada Selasa lepas yang menyebut bahawa pembukaan industri automotif tempatan mengikut perjanjian AFTA perlu dikaji semula kerana ia boleh meninggalkan kesan buruk kepada Proton.

Dr Mahathir berkata beliau bimbang sekiranya pembukaan itu dilaksanakan juga seperti perjanjian, industri lain yang terlibat dengan pembuatan kereta nasional terdedah kepada kemungkinan ditutup.

Katanya minat syarikat-syarikat besar terhadap industri negara ini adalah sekadar mahu menjadikan kita pembekal komponen ataupun kita hanya memasang kereta mereka.

"Akhirnya kita mungkin tidak ada kereta nasional lagi," katanya.

-- BERNAMA

MZM/NH MA